

# Proton perlu teroka pasaran 'niche' motosikal

UM 29 OCT 2003

PUTRAJAYA 28 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) perlu meneroka pasaran 'niche' seperti pembuatan motosikal berkelas dunia untuk berjaya dalam dunia permotoran yang amat kompetitif.

Perdana Menteri berkata, kecemerlangan dalam pasaran niche juga secara langsung akan membantu untuk memastikan Proton sendiri berjaya menjadi sebuah syarikat bertaraf dunia.

"Ia (pasaran automotif) adalah dunia yang amat kompetitif, jadi kita perlu mencari pasaran *niche*. Dan (jika berjaya) dalam bidang itu, kita boleh menjadi (syarikat) berkelas dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani surat hasrat antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) dan MV Augusta Motor spA di pejabatnya, di sini hari ini.

Perjanjian yang ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tan Sri Dr. Tengku Mahaleel Tengku Ariff dan pemilik MV Augusta Motor, Claudio Castiglioni itu menandakan syarikat kereta kebangsaan berminat untuk membeli 50 peratus kepentingan syarikat pembuat motor dari Itali itu.

Bahagian tersebut akan membolehkan Proton memegang hak untuk mengedar dan mengawal pengeluaran syarikat yang dikenali dengan motosikal berjenama terkenal iaitu Cagiva, Husqvarna dan MV Augusta.

Selepas majlis itu, Dr. Mahathir dibawa untuk mencuba beberapa model motosikal keluaran syarikat itu yang diletakkan di tempat meletak kereta di pejabatnya, termasuk motorsikal MV Augusta F4, Brutale dan Cagiva Raptor (**Gambar di muka 5**).

Menurut Perdana Menteri, beliau amat gembira dengan inisiatif Proton kerana syarikat itu juga sebenarnya telah mempelbagai perniagaannya sebelum ini kepada kenderaan beroda dua.

"Proton sebelum ini sudah ada perniagaan basikal, yang saya anggap sedang berjalan baik. Ya, tentulah saya gembira, jika tidak takkan saya ada di sini," katanya.

Dr. Tengku Mahaleel berkata, pembelian pegangan dalam MV Augusta bukan setakat peluang pelaburan sebaliknya kesempatan bagi mewujudkan satu perikatan strategik antara kedua-dua syarikat.

"Tiga perkara menarik minat kami iaitu teknologi kejuruteraan yang mereka miliki, keupayaan reka bentuk dan keterampilan global ketiga-tiga jenama motosikal.

"MV Augusta boleh mempercepat program motosikal Proton sendiri manakala dengan bantuan Lotus, syarikat itu boleh mencapai tahap produktiviti dan kecekapan yang tinggi melalui pengeluaran besar-besaran," ujarinya.